

SOROTAN SEJARAH KEMUNCULAN SYIAH DAN ALIRAN UTAMANYA

History Of The Syiah And Its Main Utility

Mariam binti Abdul Rahman¹
Mohd Fauzi bin Hamat²

Abstrak

Makalah ini membincangkan sorotan ringkas kemunculan Syiah sebagai satu aliran pemikiran dalam Islam. Kajian ini mendapati bahawa benih awal yang membabitkan kelahiran Syiah telah wujud semasa pelantikan Abu Bakar sebagai khalifah walaupun tanda awal tersebut tidak menzahirkan Syiah sebagai mazhab politik dan akidah. Kemelut politik kepimpinan Syiah tidak berakhir setakat ini kerana penyokong ‘Ali bin Abi Talib tetap melihat bahawa isu kepimpinan setelah kewafatan Nabi s.a.w. adalah hak mutlak ‘Ali bin Abi Talib dan zuriatnya. Kewibawaan dan kejayaan Abu Bakar dan ‘Umar dalam menerajui kepimpinan dengan baik berjaya membendung lahir Syiah sehingga ‘Uthman memegang tampuk pemerintahan. Campur tangan daripada pelbagai pihak khususnya peranan ‘Abdullah bin Saba’ telah menyemarakkan semangat penyokong ‘Ali untuk meneruskan perjuangan mereka untuk mendapat hak jawatan khalifah sehingga munculnya beberapa aliran Syiah seperti al-Imāmīyyah al-Ithnā Asyārīyyah, al-Zaydīyyah, al-Ismāīlīyyah dan al-Ghullāh.

Kata kunci : *Syiah, kepimpinan, para imam, imāmah*

Abstract

This paper presents a brief review of the emergence of the Shia as a school of thought in Islam. The study found that the initial seed bred Shiite birth existed at the time of the appointment of Abu Bakr as caliph despite early signs of the failure to disclose a sectarian Shiite politics and faith. Political turmoil Shiite leadership does not end so far as supporters of Ali bin Abi Talib keeping in view that the issue of leadership after the death of the Prophet is the prerogative of Ali bin Abi Talib and his offspring. The credibility and success of Abu Bakr and 'Umar to lead the well-born Shiite managed to contain up to 'Uthman came to power. The intervention of various parties, especially the role of Abdullah bin Saba'

¹ Calon PhD di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Beliau juga merupakan Pensyarah di Universiti Sultan Syarif Ali (UNISSA), Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam. E-mail umifikri.68@hotmail.com

² Profesor Madya dan Penyelia Calon di Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. E-mail mfhamat@um.edu.my

fanning the supporters of Ali to continue their struggle for the right to the position of caliph until the emergence of several trends such as al-Imami Shia al-Ithna 'Ashariyya , al-Zaydiyyah , al-Ismaīlīyyah and al-Seid.

Keywords : *Shiite, leadership, the priests, the Imamate*

Pendahuluan

Perkembangan mazhab Syiah yang semakin meluas menarik perhatian penulis untuk melihat sejarah kemunculan mazhab Syiah dan bermulanya kelahiran aliran-aliran dalam mazhab tersebut. Ketaksuhan terhadap keutamaan keluarga Nabi s.a.w. telah menjadi benih awal berlakunya perselisihan dalam kalangan penyokong 'Ali setelah kewafatan Nabi s.a.w. Makalah ini akan cuba mengupas babit permulaan mazhab Shi'ah tersebut sehingga berkembang menjadi beberapa aliran yang akan dijelaskan dalam makalah ini.

Pemergian Rasulullah s.a.w. ke alam barzakh amat dirasai oleh seluruh umat Islam. Setelah Rasulullah s.a.w. wafat, umat Islam perlu kepada seorang pemimpin yang layak menggantikan Rasulullah s.a.w. dan itu ini telah menjadi isu perselisihan yang serius dalam kalangan umat sehingga munculnya golongan Syiah. Syiah beranggapan bahawa mereka adalah golongan yang berkelayakan menjadi imam setelah ketiadaan Nabi s.a.w. Mereka memperjuangkan konsep *al-imamah* yang berasaskan fikrah seorang imam adalah ditentukan berdasarkan *nas*. Menurut mereka seorang pemimpin yang dianggap layak sebagai pengganti Nabi s.a.w. adalah diperlukan. Dia adalah seorang pemimpin yang mempunyai identiti yang sempurna, terpelihara daripada melakukan kesilapan yang mana sifat ini menyebabkan semua orang perlu taat kepadanya. Berasaskan kepada konsep *al-imamah* ini, Irfan Abdul Hamid berpendapat bahawa pemikiran Syiah berhubung *al-imamah* ini mempunyai kaitan yang sangat erat dengan fikrah karisma. Fikrah ini merujuk kepada iktikad bahawa kepimpinan adalah terdiri daripada pemimpin (imam) yang sentiasa mendapat ilham daripada Allah S.W.T., maksum daripada melakukan dosa atau kesilapan dalam perbuatan dan tingkahlakunya. Ia adalah pemimpin rohani yang unggul dan suci sentiasa mendapat ilham daripada Allah S.W.T. Sifat kesempurnaan dan karisma kepimpinan ini hanya dapat diwarisi, di mana ia berpindah daripada ayah kepada anaknya yang tertua. Ia tidak dapat diusahakan menerusi penguasaan ilmu dan kesungguhan. Berdasarkan ciri ini, ia perlu diikuti dan ditaati secara mutlak. Ciri *charismatic leader* ini amat diperlukan bagi mengendalikan suasana politik khasnya dalam menentukan kepimpinan yang layak untuk mentadbir sebuah kerajaan Islam.³ Walaupun Syiah beranggapan demikian, namun fikrah ini ditolak oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. al-Ghazālī misalnya menegaskan bahawa hanya keperibadian Nabi s.a.w. sahaja yang dapat memenuhi ciri dalam fikrah karisma tersebut.⁴

Bitit perselisihan pendapat dalam kalangan sahabat

Kewafatan Nabi s.a.w. telah meninggalkan satu dilema kepimpinan yang amat besar. Masing-masing kaum cuba menampilkkan calon yang mereka anggap layak untuk menggantikan kepimpinan Rasulullah s.a.w. Mereka adalah terdiri daripada kaum Ansar, Muhajirin dan Banī Hashim. Golongan pertama terdiri daripada kaum Ansar yang

³ Irfan Abdul Hamid, *Dirāsāt fī al-Firaq wa al-Aqāid al-Islāmīyyah*. (Beirūt : Muassasah al-Risālah, 1984), 10.

⁴ al-Ghazālī, Abu Ḥamid Muḥammad bin Muḥammad, Victor Chelhot (ed.) *al-Qistās al-Mustaqqīm*. (Beirūt : Matba'ah al-Katholīkiyah, 1959), 81.

menganggap mereka adalah layak menjadi pengganti Nabi s.a.w kerana mereka telah banyak membantu Nabi s.a.w setelah baginda berhijrah ke Madinah.⁵ Mereka juga berpendapat perlu ada seorang ketua dari kalangan Ansar dan seorang ketua dari golongan Muhajirin, maka mereka melantik Sa‘ad bin ‘Ubādah⁶ bagi mewakili golongan Ansar⁷. Pendapat ini telah ditolak oleh golongan yang kedua iaitu kaum Muhajirin, yang antaranya ialah Abu Bakar dan ‘Umar kerana mereka adalah golongan yang terawal memeluk agama Islam⁸. Mereka juga berpendapat bahawa khalifah sepatutnya terdiri daripada kalangan yang berketurunan Banī Quraisy sebagaimana yang telah disebutkan oleh Nabi s.a.w. yang bermaksud bahawa para imam adalah daripada Banī Quraisy.⁹ Mendengar hujah tersebut, golongan Ansar terus akur dengan pilihan tersebut lalu membaiyah Abu Bakar di *Saqīfah Banī Sā’idah*¹⁰. Pembaianan ini juga dilakukan oleh para jamaah yang berkumpul di masjid kecuali segolongan daripada Banī Hashim, Abu Sufyan daripada Banī Umayyah dan ‘Ali bin Abi Talib yang ketika itu sibuk menguruskan jenazah Nabi s.a.w. Kenyataan ini menunjukkan bahawa perselisihan yang berlaku ketika itu belum lagi menimbulkan sebarang perselisihan yang kompleks sehingga mengakibatkan berlakunya perpecahan umat Islam kerana pembaianan Abu Bakar sebagai khalifah telah menjadikan kedua-dua golongan yang berselisih akur dengan pelantikan tersebut.¹¹

Selain dua golongan yang tersebut, wujud golongan ketiga yang menganggap ‘Ali layak sebagai pengganti Nabi s.a.w., kerana beliau adalah orang yang terawal memeluk agama Islam dalam kalangan Banī Hashim di samping beliau dikenali sebagai seorang yang berilmu.¹² Menurut Ahmad Amin, perselisihan tersebut merupakan perselisihan yang terawal dalam kalangan mazhab Syiah. Mereka ini adalah golongan yang mengutamakan ahli keluarga Nabi s.a.w. yang terdiri daripada bapa saudara Nabi, al-‘Abbas dan anaknya Abdullah serta ‘Ali. Walaupun nama al-Abbas turut tersenarai sebagai calon pengganti akan tetapi beliau tidak membantah tentang pencalonan ‘Ali sebagai khalifah kerana beliau merasakan ‘Ali lebih layak mendapatkan jawatan tersebut. Dalam situasi ini, al-‘Abbas hanya menuntut harta peninggalan Nabi s.a.w. iaitu sebuah penempatan yang bernama Fadak yang terletak di pinggir Madinah. Penempatan ini pada mulanya adalah kepunyaan orang Yahudi, setelah mereka kalah dalam perperangan

⁵ Muhammad Abū Zuhrah, *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmīyyah fī al-Siyāsah wa al-‘Aqāid wa Tārīkh al-Madhāhib al-Fiqhīyyah*. (al-Qāhirah : Dār al-Fikr al-‘Arabiyy, 1996), 24.

⁶ Seorang ketua *al-Khazraj* yang dikenali sebagai seorang yang pemurah, beliau wafat di Houran pada tahun 15 hijrah. Lihat al-Baghdādi, Abī Mañṣūr ‘Abd al-Qāhir bin Ṭāhir, *al-Farq Bayna al-Firaq*, (al-Qāhirah : Muassasah al- Halabī. t.t.), 15. (nota kakitangan)

⁷ al-Shahrastānī, Abī al-Fath Muḥammad Abd al-Karīm ibn Abi Bakr Aḥmad, *al-Milal wa al-Nihāl*, juz 1, (al-Qāhirah : al-Muassasah al-Halabī, 1986), 22.

⁸ Muhammad Abū Zuhrah, *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmīyyah*. 24.

⁹ Ibn Athīr, Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Abī al-Karam Muḥammad bin Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm bin ‘Abd al-Wāhid al-Shaybāni, *al-Kāmil fī al-Tārīkh*, j. 2, cet. 2, (Beirūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmīyyah, 1995), 191. (*al-a’immah min Banī Quraisy*)

¹⁰ Banī Sā’idah ialah kaum daripada golongan Ansar, satu suku kaum bani Ka‘ab bin al-Khazraj bin Sā’idah. *Saqīfah* merupakan suatu tempat perhimpunan golongan Ansar apabila berlaku perkara yang hendak dibincangkan. Tempat ini bagi golongan Ansar sama kedudukannya dengan *Dār al-Nadwah* yang ada di Mekah. Lihat al-Asy‘arī, Abī al- Ḥasan ‘Alī bin Ismā’īl, Muḥammad Muḥyī al-Dīn ‘Abd al-Ḥamīd (ed.), *Maqālāt al-Islāmīyyīn wa Ikhtilāf al-Muṣallīn*, j. 1. (al-Qāhirah : Maktabah al-Nahḍah al-Miṣrīyyah, 1969), 39.

¹¹ al-Shahrastānī, *al-Milal wa al-Nihāl*, 23.

¹² Muhammad Abū Zuhrah, *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmīyyah*, 24.

Khaybar mereka telah menyerahkan penempatan tersebut kepada Nabi s.a.w.¹³. Permintaan al-‘Abbas ini telah dijawab oleh Abu Bakar dengan menyebutkan ḥadīth Nabi s.a.w. yang bermaksud : “Tiada suatu pun yang akan kami wariskan melainkan hanya semata-mata untuk sedekah”.¹⁴ Ahmad Amin juga menyebutkan bahawa hak al-‘Abbas dan anaknya menjadi imam belum wujud ketika itu, isu ini mula disebut oleh golongan *al-Rawandiyah*¹⁵ iaitu semasa pemerintahan al-Mansur dan al-Mahdi.¹⁶

Kenyataan ini menunjukkan bahawa perselisihan yang berlaku ketika itu walaupun disifatkan bercorak politik, akan tetapi perselisihan tersebut belum menimbulkan sebarang perselisihan yang kompleks sehingga mengakibatkan berlaku perpecahan umat Islam kerana pemberian Abu Bakar sebagai khalifah telah menjadikan mereka akur dengan pelantikan tersebut.¹⁷ Walaupun kaum Ansar telah mengemukakan calon mereka sebagai pengganti khalifah, tetapi kaum Ansar tidak membentuk suatu mazhab atau golongan, begitu juga dengan Banī Hashim. Kaum ini tetap bertahan sehingga awal pemerintahan khalifah ‘Uthman kerana dasar pemerintahan Abu Bakar dan ‘Umar ketika itu hanya menumpukan kepada urusan pentadbiran dan perluasan wilayah Islam.¹⁸

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa memang berlaku sedikit perselisihan pendapat dalam kalangan sahabat mengenai beberapa isu pemilihan khalifah selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. termasuk permasalahan yang berhubung dengan Fadak tetapi ia dapat diselesaikan dengan baik setelah berlaku pemberian Abu Bakar sebagai khalifah. Kemunculan Syiah ketika itu belum lagi menjadi sebagai satu mazhab yang mempunyai prinsip dan dasar akidah tersendiri dan belum berkembang kepada aliran-aliran Syiah seperti mana yang ada sekarang.

Pemberian Khulafā’ al-Rāshidin

Kata baiah adalah berasal daripada bahasa Arab *bai‘at* iaitu perakuan sumpah setia kepada seseorang yang diberi kuasa,¹⁹ dan kata baiah juga bermaksud janji setia iaitu kontrak dan perjanjian untuk taat. Seseorang yang berjanji setia terhadap raja dan ketua yang terikat dengan kontrak akan meletakkan tangan mereka di atas tangan ketua untuk mengukuhkan janji tersebut.²⁰ Baiah terhadap Abu Bakar ini telah dianggap sempurna setelah ‘Ali melakukan baiah kerana setelah kewafatan Nabi s.a.w., Fatimah²¹ telah jatuh sakit dan ‘Ali tidak berkesempatan untuk membaiah Abu Bakar sehinggalah Fatimah

¹³Ahmad Amin, *Fajr al-Islām*, c. 12, (al-Qāhirah : Maktabah al-Nahḍah al-Miṣrīyah, 1978), 266.

¹⁴Ibn Kathīr, Abū al-Fidā’ Ismā‘il, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, juz. 5, jil.3, cet. 5, *bāb bayān annahu ‘alayhi al-salām qāla lā nūrath*, (Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmīyah, 1988), 249.

¹⁵Daripada aliran *Rawāfid* yang berpendapat bahawa roh Allah berpindah kepada para imam mereka. Lihat al-Baghdādī, *al-Farq Bayna al-Firaq*, 163. Golongan ini berpendapat bahawa orang yang layak mendapatkan jawatan khalifah adalah al-‘Abbas bin ‘Abd al-Mutallib, bapa saudara Nabi s.a.w. tetapi golongan ini muncul semasa pemerintahan Bani Abbasiyyah. Lihat al-Asy‘arī, *Maqālāt al-Islāmīyyīn*, 46.

¹⁶Ahmad Amin, *Fajr al-Islām*, 266.

¹⁷al-Shahrastānī, *al-Milal wa al-Nihāyah*, 23.

¹⁸Muhammad Abū Zuhrah, *Tārikh al-Madhāhib al-Islāmīyyah*, 25.

¹⁹*Kamus Dewan*, edisi ke-4, c. 3, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 108, entri “baiah”.

²⁰Ibn Khaldūn, ‘Abd al-Rahman bin Muhammad, *Muqaddimah Ibn Khaldūn*, j.1. (Beirut : Dār Ihya’ al-Turāth al-‘Arabīyy, t.t.), 209.

²¹anak kepada Nabi s.a.w. dan isteri kepada ‘Ali bin Abi Talib.

wafat.²² Walaupun demikian, golongan Syiah tidak menerima kenyataan tersebut dan menganggap pemberian tersebut sebagai *taqīyyah*²³ ‘Ali.²⁴

Pelantikan khalifah terus berlangsung dengan cara penetapan ‘Umar sebagai khalifah. Sebelum Abu Bakar wafat, beliau telah memilih dan menentukan ‘Umar untuk menggantikan kuasa kepimpinan selepas beliau. Ketetapan ini telah dipersetujui oleh para sahabat yang lain malah mereka membaiah ‘Umar sebagai khalifah.²⁵ Sebelum ketetapan dan pemberian ini berlaku, Abu Bakar telah memanggil beberapa orang sahabat dan meminta pendapat mereka tentang ‘Umar, antaranya ‘Abd al-Rahman bin ‘Auf, ‘Uthman bin ‘Affan dan Talḥah bin ‘Ubaidillah. Pelantikan yang dibuat oleh Abu Bakar ini telah ditulis oleh ‘Uthman bin ‘Affan untuk dihebahkan kepada orang ramai dengan menyatakan bahawa beliau tidak melantik kaum kerabat sebagai gantinya bahkan memilih ‘Umar berdasarkan keperibadiannya dan persetujuan daripada para sahabat. Setelah itu, Abu Bakar meminta ‘Ali membaca apa yang telah ditulis oleh ‘Uthman lalu Abu Bakar melaungkan takbir.²⁶ Peristiwa ini menandakan persetujuan para sahabat termasuk ‘Ali mengenai pelantikan ‘Umar.

Setelah ‘Umar dibunuh, ‘Uthman dilantik menjadi khalifah. Pelantikan beliau berasaskan kepada pemilihan yang mana ‘Umar telah memilih enam orang calon kalangan sahabat yang dianggap layak untuk dicalonkan bagi menjawat jawatan khalifah. Mereka terdiri daripada ‘Abd al-Rahman ibn ‘Auf, al-Zubair al-‘Awwam, Sa‘ad bin Abi Waqqas, Talḥah bin ‘Ubaidillah, ‘Uthman bin ‘Affan dan ‘Ali bin Abi Talib, manakala Abdullah ibn ‘Umar telah dilantik menjadi saksi bagi pelantikan tersebut. ‘Abd al-Rahman ibn ‘Auf telah bercadang untuk memilih 3 orang calon khalifah, manakala al-Zubair telah memilih ‘Ali, Sa‘ad memilih ‘Abd al-Rahman ibn ‘Auf dan Talḥah memilih ‘Uthman, ‘Abd al-Rahman ibn ‘Auf secara rela menyerahkan jawatan tersebut kepada ‘Uthman dan ‘Ali kerana beliau tidak berminat untuk menjadi khalifah lalu beliau menemui ‘Ali bin Abi Talib dan berkata : “Engkau adalah orang pertama memeluk agama Islam, kamu salah seorang daripada keluarga Rasulullah s.a.w. yang terdekat. Atas nama Allah sekiranya aku memilih kamu sebagai khalifah, hendaklah kamu berlaku adil dan sekiranya ada orang lain memerintah, maka hendaklah kamu patuh dan taat kepadanya. Kemudian beliau menemui ‘Uthman dengan mengatakan kata-kata yang sama, lalu ‘Abd al-Rahman ibn ‘Auf mengambil kata-kata sumpah setia daripada kedua-dua mereka dan terus menemui ‘Uthman, lalu ‘Ali pun terus memberi baiahnya kepada ‘Uthman. Kesepakatan ini juga telah dipersetujui oleh umat Islam untuk membaiah ‘Uthman sebagai khalifah yang ketiga selepas ‘Umar.²⁷

²²al-Asy‘arī, *Maqālāt al-Islāmiyyīn*, 44.

²³Istilah *taqīyyah* adalah satu daripada doktrin Shī‘ah yang beranggapan bahawa sikap seseorang dibolehkan berbeza dengan apa yang tersembunyi dalam hati, dengan cara berselindung dan menyesuaikan diri dengan keadaan agar dapat melindungi jiwa, harta dan kehormatan. Lihat al-Asy‘arī, *Maqālāt al-Islāmiyyīn*, 44.

²⁴Mustafā Ḥilmī, *Nizām al-Khilāfah fī al-Fikr al-Islāmī*. (Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmīyyah, 2004), 48.

²⁵al-Shahrastānī, *al-Milal wa al-Nihāl*, 23.

²⁶Ibn Athīr, Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Abī al-Karam Muḥammad bin Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm bin ‘Abd al-Wāhid al-Shaybāni. *al-Kāmil fī al-Tārīkh*, j. 2, (Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmīyyah, 1995), 272.

²⁷al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān bin Abī Bakar. Muḥammad Muhyī al-Dīn ‘Abd al-Ḥamīd (ed.), *Tārīkh al-Khulafā’*, c. 4.(al-Qāhirah : Matba‘ah al-Fajālah al-Jadīdah, 1969), 134.

Pembahaian ‘Uthman berlaku pada bulan Muharram dan dikatakan tahun tersebut sebagai ‘ām ru ‘āf disebabkan ramai yang hadir bermesyuarat dengan ‘Abd al-Rahman bin ‘Auf bertanya pendapatnya mengenai pengganti ‘Umar dan mereka lebih cenderung untuk memilih ‘Uthman. Dalam ḥadīth lain yang dikeluarkan oleh Ibn ‘Asakir daripada Miswar ibn Mukhrimah dalam satu riwayat menyebutkan bahawa ‘Abd al-Rahman berkata kepada ‘Ali : “*Amma ba ‘du*, wahai ‘Ali sesungguhnya aku telah berbincang di khalayak ramai, dan aku dapat mereka semua cenderung kepada ‘Uthman, jangan engkau membiarkan dirimu terkilan dengannya, dengan itu ‘Ali pun memegang tangan ‘Uthman dengan berkata : Kami berbaiah dengan engkau berdasarkan sunnah Allah dan Rasul-Nya dan dua khalifah selepas baginda s.a.w.” Lalu ‘Abd al-Rahman memberi baiahnya dan diikuti oleh golongan Muḥajirin dan Ansar.²⁸

Berdasarkan kronologi pembahaian ketiga-tiga khalifah ini, kepimpinan di awal kerajaan Islam telah dilakukan dengan tiga cara, iaitu *al-intikhāb* iaitu pemilihan Abu Bakar secara langsung sebagaimana yang berlaku di *Saqifah Banī Sa‘idah*, kedua, *al-‘ahd* iaitu yang berlaku dengan cara menentukan khalifah yang layak bagi mengganti khalifah sebelumnya dan ketiga, *al-tarshīh* iaitu pencalonan khalifah yang dibuat berdasarkan permuzakarah beberapa orang yang telah ditetapkan, kemudian dipilih salah seorang daripada mereka. Cara pertama berlaku dalam pelantikan Abu Bakar al-Siddiq sebagai khalifah, cara kedua merujuk kepada pelantikan ‘Umar bin al-Khattab, manakala cara ketiga merujuk kepada apa yang berlalu semasa pelantikan khalifah ketiga iaitu ‘Uthman bin ‘Affan.²⁹

Faktor Kemunculan Syiah

Perselisihan mula berlaku dalam kalangan sahabat semasa pemerintahan khalifah ‘Uthman disebabkan beberapa faktor, antaranya ialah sikap khalifah ‘Uthman yang telah memberikan kebenaran kepada golongan Muḥajirin keluar daripada Madinah, yang mana sebelum ini ‘Umar telah pun menegah mereka meninggalkan Madinah kecuali atas sebab-sebab tugas seperti untuk mentadbir wilayah atau keluar berperang. Larangan ‘Umar tersebut untuk menjaga keselamatan mereka daripada difitnah oleh pihak musuh. Faktor lain yang menyumbang kepada perselisihan tersebut ialah sikap ‘Uthman yang kurang disenangi oleh sebahagian sahabat semasa menerajui pemerintahan. Enam bulan terakhir pemerintahannya, jentera pentadbiran pemerintahan ‘Uthman mula berpindah kepada ahli keluarganya. Situasi ini memburuk apabila ‘Uthman melantik ‘Abdullah bin Sa‘ad bin Abu Sarh sebagai gabenor Mesir kerana ‘Abdullah terdiri daripada golongan yang dihalalkan darahnya oleh Nabi s.a.w.³⁰ Pelantikan ‘Abdullah ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan penduduk Mesir, mereka datang menemui ‘Uthman mengadu hal tersebut lalu beliau menulis surat kepada ‘Abdullah mengecam perlakunya tetapi ‘Abdullah tidak mengindahkan kecaman tersebut bahkan membunuh orang-orang yang datang mengadu kepada ‘Uthman. Penduduk Mesir kemudian mengadu hal tersebut kepada sahabat Nabi s.a.w. di Madinah lalu ‘Ali menemui ‘Uthman untuk menuntut pembelaan di atas tindakan kejam ‘Abdullah dan meminta ‘Uthman untuk memecat ‘Abdullah lalu meminta para sahabat memilih penggantinya. Mereka bersetuju melantik Muḥammad bin Abu Bakar dan ‘Uthman menulis watikah pelantikan tersebut lalu dikirim bersama rombongan para sahabat yang terdiri daripada Muḥajirin dan Ansar

²⁸*Ibid.*, 153.

²⁹Muhammad Abu Zuhrah, *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmīyyah*, 25.

³⁰al-Shahrastānī, *al-Milal wa al-Nihāh*, 26.

menuju ke Mesir. Tiga hari perjalanan daripada Madinah, para sahabat terserempak dengan seorang budak suruhan yang menunggang unta yang membawa satu bingkisan untuk ‘Abdullah bin Sa’ad bin Abu Sarh. Apabila disoal siasat, budak suruhan tersebut mengaku bahawa ia adalah budak suruhan ‘Uthman. Bingkisan tersebut mengarahkan ‘Abdullah untuk menangkap dan membunuh Muhammad bin Abu Bakar dan memansukhkan watikah pelantikan tersebut. Isi bingkisan ini telah mengundang kemarahan para sahabat lalu pulang ke Madinah untuk membincangkan perkara ini dengan ‘Uthman. Para sahabat menemui ‘Uthman lalu ‘Ali mengemukakan budak suruhan, unta tunggangan serta bingkisan yang dibawanya untuk meminta kepastian daripada ‘Uthman. Beliau tidak menafikan tentang budak suruhan dan unta tunggangan tersebut adalah miliknya tetapi ‘Uthman menafikan bingkisan dan arahan untuk menghantar bingkisan tersebut ke Mesir. Namun beliau mengetahui bahawa bentuk tulisan dalam bingkisan tersebut adalah tulisan Marwan bin al-Hakam. Apabila para sahabat meminta ‘Uthman menyerahkan Marwan untuk diadili, beliau enggan menyerahkannya kerana takut dibunuhi. Oleh kerana peristiwa ini, rumah ‘Uthman dikepung dan akhirnya beliau mati dibunuhi oleh dua orang yang tidak dikenali yang menceroboh masuk ke dalam rumahnya yang ketika itu sedang dikepung. Peristiwa ini berlaku pada tahun 35 Hijrah dan diceritakan oleh Ibn ‘Asakir daripada al-Zuhri daripada Sa’id bin Musayyab.³¹

Selain daripada faktor yang telah disebutkan, menurut al-Asy‘arī faktor utama yang mengakibatkan pembunuhan ‘Uthman adalah kekacauan dan huru hara yang dilakukan oleh seorang pemuda berbangsa Yahudi bernama Abdullah bin Saba’. Beliau mengakui beragama Islam walaupun pada hakikatnya beliau masih berpegang pada agama asalnya. Peluang ini beliau gunakan untuk mengelirukan umat Islam dengan berpura-pura melakukan kebaikan dan melarang daripada berbuat kemungkar. Beliau cuba menyebarkan pengaruhnya dengan berpindah dari satu tempat ke satu tempat seperti Hijaz, Basrah, Kufah, Syam dan akhirnya Mesir.³²

Pembelaian ‘Ali berlaku sehari selepas pembunuhan ‘Uthman. Beliau telah dibaiahkan oleh semua sahabat. Ada pendapat menyebut bahawa Talhah dan al-Zubair berbaiah secara paksa tanpa rela. Mereka keluar ke Mekah dan menemui ‘Aisyah di sana serta menjemput beliau untuk menuntut bela di atas pembunuhan. Berita ini sampai kepada ‘Ali lalu beliau keluar ke Iraq dan menemui Talhah, al-Zubair dan ‘Aisyah yang ketika itu berada di Basrah. Peristiwa ini dikenali sebagai perang *al-Jamal* yang berlaku pada tahun 36 Hijrah. Dalam kejadian ini, seramai 13,000 orang terkorban termasuk Talhah dan al-Zubair.³³

Setelah peristiwa ini, ‘Ali tinggal di Başrah selama 15 hari dan kembali Ke Kufah. Di Syam, Mu‘āwiyah dan pengikutnya bangun menentang ‘Ali dan pergerakan ini sampai kepada pengetahuan ‘Ali lalu beliau keluar untuk menghadapi pasukan Mu‘āwiyah. Kedua-dua pasukan bertemu di Şiffin dalam bulan Rejab tahun 36 Hijrah. Perundingan untuk berdamai akhirnya dipersetujui, Mu‘āwiyah diwakili ‘Amru ibn al-‘As dan Abu Musa al-Asy‘arī mewakili ‘Ali di salah sebuah perkampungan di Syam yang bernama Adhruh. Akan tetapi, walaupun perjanjian damai telah dibuat, pengikut Ali daripada golongan Khawarij tetap tidak berpuas hati dengan perdamaian tersebut kerana

³¹al-Suyūtī, *Tarikh al-Khulafa*. 157-160.

³²al-Asy‘arī, *Maqālāt al-Islāmīyyīn*, 49.

³³Kesemua periyawatan ini daripada ibn Sa‘ad. Lihat al-Suyūtī, *Tarikh al-Khulafa*, 174.

menurut mereka “tiada hukum kecuali Allah” dan mereka bertahan di sebuah perkampungan di Syam, bernama al-Haraūrā’. Ali telah menghantar Ibn ‘Abbas untuk berdebat dan berhujah dengan mereka, ada sebahagian mereka yang kembali semula untuk berdamai dan sebahagian yang lain masih meneruskan perjalanan hingga sampai ke Nahrawan. Disebabkan keenggan mereka untuk berundur, Ali memerangi mereka dan peristiwa ini berlaku pada tahun 38 Hijrah. Pada bulan Syaaban tahun yang sama, orang ramai berkumpul di Adhruh, antara yang hadir Sa‘ad bin Abi Waqqas, ibn ‘Umar dan para sahabat lalu ‘Amru ibn al-‘As mengemukakan kepada Abu Musa al-Asy‘arī satu perancangan licik. Abu Musa al-Asy‘arī dalam ucapannya bersetuju untuk memecat ‘Ali lalu ‘Amru ibn al-‘As mengambil kesempatan ini dengan membaiah Mu‘āwiyah sebagai khalifah.

Peristiwa ini mengakibatkan orang ramai tidak berpuas hati terutama pengikut ‘Ali daripada golongan Khawarij. Lalu golongan ini membuat pakatan dengan memilih tiga orang wakil iaitu Abd Rahman ibn Muljam al-Muradi, al-Burak ibn Abdullah al-Tamimi dan ‘Amru ibn Bakir al-Tamimi untuk membunuh ketiga-tiga tokoh yang terlibat dengan perundingan damai tersebut. Mereka ialah ‘Ali bin Abi Talib, Mu‘āwiyah ibn Abi Sufyan dan ‘Amru ibn al-‘As. Pada malam Jumaat 17 Ramadan tahun 40 Hijrah, ibn Muljam telah berjaya membunuh ‘Ali ketika beliau sedang keluar untuk menunaikan solat Subuh dengan memintas di hadapan ‘Ali lalu memukul pedangnya ke dahi ‘Ali dan membela kepalanya.³⁴

Kewafatan ‘Ali telah mendorong penduduk Kufah membaiah Hasan sebagai ganti khalifah. Pelantikan Hasan ini mengakibatkan wujudnya dua khalifah ketika itu iaitu Mu‘āwiyah di Syam dan Hasan di Iraq. Namun, Hasan telah menyerahkan kekuasaan khalifah kepada Mu‘āwiyah pada bulan Rabiul Awal tahun 41 Hijrah, dan ada pendapat mengatakan pada bulan Jamadil Awal tahun yang sama. Setelah penyerahan kuasa tersebut, Hasan berpindah ke Madinah dan seterusnya menetap di sana sehingga beliau wafat pada tahun 49 Hijrah. Beliau wafat akibat dibunuh oleh isterinya yang meracun beliau kerana hasutan daripada Yazid bin Mu‘āwiyah yang berjanji untuk mengahwininya.³⁵

Pada hakikatnya, ada dua faktor penting yang menyebabkan Hasan menyerahkan kuasa khalifah terhadap Muawiyah, pertama kerana beliau sendiri tidak berminat dengan politik dan peperangan³⁶ dan kedua Hasan menetapkan syarat jaminan hidup iaitu jika Mu‘āwiyah wafat jawatan khalifah akan dipilih secara syura. Namun demikian, setelah memegang kuasa pemerintahan dan berdirinya kerajaan Banī Umayyah, Mu‘āwiyah telah mengubah dasar pemilihan khalifah yang berasaskan syura menjadi hak keturunan. Setelah Mu‘āwiyah wafat pada tahun 60 Hijrah, Yazid dilantik menjadi penggantinya di Sham. Penduduk Kufah merasa tidak puas hati dengan pelantikan tersebut lalu mengutus surat kepada Husein bin ‘Ali memintanya datang ke Kufah untuk mengembalikan kekuasaan khalifah kepada keturunan ‘Ali lalu beliau berangkat meninggalkan Mekah bersama anak-anak dan beberapa orang pengiring. Mendengar kemaraan Husein, Yazid mengirim tentera yang diketuai oleh ‘Ubaidullah bin Ziyad. Kedua belah pihak bertemu

³⁴*Ibid.*

³⁵al-Suyūtī, *Tarikh al-Khulafa*, 191.

³⁶Mahayudin Hj. Yahaya, *Ensiklopedia Sejarah Islam*. (Bangi : Penerbit UKM, 1986), 410.

di Karbala’ dan Husein terbunuh di situ, kepalanya diceraikan daripada badannya dan dibawa ke Damsyik untuk dihadapkan kepada Yazid.³⁷

Rentetan daripada perang al-Jamal, Şiffin dan Karbala’ yang berlaku semasa pemerintahan ‘Ali sehingga bermula pemerintahan Mu‘awiyah dan Yazid, maka muncul tanggapan dalam kalangan segelintir umat Islam bahawa ‘Ali adalah pengganti yang paling layak menjadi khalifah selepas kewafatan Nabi s.a.w serta peranan yang dimainkan Abdullah bin Saba’ semasa pemerintahan ‘Uthman, telah menyemarakkan ketaksuhan pengikut-pengikut ‘Ali. Agenda kepimpinan yang mereka yakini dan keistimewaan ‘Ali dan zuriatnya yang menjadi pewaris *al-imamah*, telah menjadikan mereka lebih yakin dan percaya bahawa mereka adalah pemimpin yang unggul. Keunggulan ini mereka rasakan sebagai kaum pilihan yang telah ditetapkan oleh Nabi s.a.w. dan kekebalan mereka untuk tidak melakukan kesilapan dan kesalahan telah menjadi satu ‘*trade mark*’ kepimpinan yang tiada bandingannya dengan mazhab yang lain. Wasiat dan *ma’sum* adalah dua sifat kepimpinan dalam mazhab Syiah yang menjadi faktor utama kemunculan aliran-aliran Syiah kerana faktor ini berkembang berasaskan pelantikan *al-imamah* sebagai perkara yang wajib dilaksanakan dalam mazhab Syiah.

Aliran-aliran Syiah

Setelah kemunculan Syiah, lahir beberapa aliran dalam mazhab tersebut. al-Asy‘arī berpendapat bahawa Syiah terbahagi kepada tiga golongan iaitu, *al-Ghālīyah*, *al-Rāfiḍah* (*al-Imāmīyyah*) dan *al-Zaydīyyah*.³⁸ Istilah *al-Ghālīyah* berasal daripada kata *al-ghullah* dan *al-ghālī* iaitu perkataan bahasa Arab, *ghalā fī al-dīn wa al-amr-yaghlu-ghulūwwan* yang bermaksud melampaui batasan agama dan perkara-perkara yang lain secara berlebih-lebihan.³⁹ al-Asy‘arī berpendapat bahawa aliran Syiah dinamakan *al-Ghālīyah* kerana mereka melampaui batas dalam menyokong ‘Ali dan mengungkapkan sokongan mereka dengan perkataan yang melampaui batas.⁴⁰ Muḥammad Abu Zuhrah membahagikan aliran *al-Ghālīyah* kepada dua iaitu : *al-Sabbāīyyah* dan *al-Gharābīyyah*. Aliran *al-Sabbāīyyah* adalah aliran yang dibawa oleh pengikut Abdullah bin Saba’; seorang Yahudi yang mempercayai apa yang disebut dalam kitab Taurat bahawa setiap nabi mempunyai *waṣī* (pewaris) dan ‘Ali adalah sebaik-baik *waṣī* setelah nabi Muḥammad s.a.w. Aliran ini menganggap ‘Ali tidak mati dan akan kembali ke dunia sebelum hari kiamat, sebagaimana nabi Muḥammad s.a.w. akan kembali ke dunia. Aliran ini juga berpendapat bahawa Allah telah *hulul* (menempati) badan ‘Ali dan badan para imam selepasnya.⁴¹

Manakala aliran *al-Gharābīyyah* pula dianggap aliran yang melampau kerana menganggap ‘Ali sebagai nabi. Mereka berpendapat bahawa Jibril tersalah hantar wahyu kepada nabi Muḥammad s.a.w., sedangkan wahyu tersebut menurut mereka untuk ‘Ali memandangkan keadaan fizikal ‘Ali yang menyamai nabi Muḥammad s.a.w.⁴² Menurut al-Shahrastānī golongan *al-Ghālīyah* menyamakan para imam mereka dengan sifat-sifat ketuhanan, kerana mereka begitu terpengaruh dengan fahaman Yahudi yang menganggap

³⁷Hamka, *Sejarah Umat Islam*, c. 4. (Singapura : Pustaka Nasional Pte Ltd, 2002), 253-254.

³⁸al-Asy‘arī, *Maqālāt al-Islāmīyyīn*, 66.

³⁹Ibn Manzūr, Muḥammad ibn Mukarram, ‘Alī Shāyrī (ed.), *Lisān al-‘Arab*, j. 10. (Beirut : Muassasah al-Tārīkh al-‘Arabīyyah, Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabīyyah, 1992), 112, entri “*ghalā*”.

⁴⁰al-Asy‘arī, *Maqālāt al-Islāmīyyīn*, 66. (*innamā sammū al-Ghālīyyah liannahum gulūwwa fī Alī wa qālū fīhi qawlan ‘azīman*).

⁴¹Muḥammad Abu Zuhrah, *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah*, 37.

⁴²*Ibid.*

tuhan menyerupai makhluknya dan fahaman Naṣrani yang menganggap makhluk menyerupai tuhannya. Ada empat perkara yang menyebabkan aliran ini dianggap melampau iaitu pada perkara-perkara *al-tasybih*, *al-badā'*, *al-raj'ah* dan *al-tanāsukh*.⁴³ Istilah *al-tasybih* bermaksud para imam mereka iaitu Ja‘afar ibn Muḥammad adalah Allah, akan tetapi ia tidak berupa seperti yang kita lihat bahkan ia menyerupai gambaran manusia. Mereka mendakwa bahawa setiap apa yang terdetik dalam hati mereka adalah wahyu dan begitu juga berlaku kepada setiap orang mukmin akan mendapat wahyu.⁴⁴ Manakala *al-badā'* bermaksud Allah S.W.T mengubah apa yang dikehendaki-Nya mengikut perubahan ilmu-Nya, Ia menyuruh berbuat sesuatu kemudian melarang melakukannya.⁴⁵ Istilah *al-raj'ah* bermaksud ‘Ali tidak mati, ia akan kembali ke dunia untuk menegakkan keadilan setelah berlaku kezaliman. *al-raj'ah* akan berlaku sebelum tiba hari kiamat.⁴⁶ Dan istilah *al-tanāsukh* ialah roh keluar daripada jasad dan berpindah ke jasad yang lain. Pemikiran ini dipercayai diambil daripada falsafah India kerana menurut mereka roh yang diazab akan berpindah kepada jasad yang rendah dan setelah itu, roh ini berpindah kepada jasad yang tinggi walaupun demikian pemikiran ini tidak diambil keseluruhannya hanya pada perkara yg berkaitan dengan *al-imamah* sahaja.⁴⁷ Dalam konteks ini, *al-tanāsukh* bermaksud para imam Syiah tidak mati bahkan diangkat badan mereka ke alam malaikat dan diletakkan kepada jasad-jasad manusia yang menyerupai jasad-jasad para imam.⁴⁸ Berdasarkan kepercayaan dan iktikad golongan *al-Ghālīyyah* ini, ternyata fahaman-fahaman tersebut amat bertentangan dengan fahaman Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah.

Golongan kedua Syiah ialah aliran *al-Rāfiḍah* iaitu aliran Syiah yang meninggalkan ketuanya, Zayd bin ‘Ali.⁴⁹ Golongan ini dinamakan *al-Rāfiḍah* kerana mereka menolak *imamah* Abu Bakar dan ‘Umar. Selain *al-Rāfiḍah* aliran ini disebut juga sebagai *al-Imāmīyah* kerana mereka percaya bahawa *imamah* ‘Ali bin Abi Talib telah dinaşkan oleh Nabi s.a.w. Kedudukan Ali sebagai imam selepas Nabi s.a.w. adalah suatu ketetapan dan ketentuan yang jelas. Pelantikan imam secara wasiat ini terus berlangsung terhadap Hasan, Husayn dan anaknya, ‘Ali bin al-Husayn.⁵⁰ Pelbagai aliran Syiah telah timbul akibat daripada muncul dan berkembangnya konsep *al-imamah* ini sehingga menyebabkan berlaku perpecahan Syiah yang menyaksikan muncul susulan daripada itu aliran *al-Ta‘līmīyyah*.⁵¹ Teori pemilihan *al-imamah* daripada ayah kepada anak tertua ini

⁴³ al-Shahrastani, *al-Milal wa al-Nihāl*, 173.

⁴⁴ al-Asy‘arī, *Maqālāt al-Islāmīyyīn*, 78. (*yaz‘umun anna Ja‘afar ibn Muḥammad huwa Allah, wa annahu laysa bi allazī yarawna, wa annahu tashabbaha li annāsi bihazīhi al-ṣūrah, wa za‘amū anna kulla mā yahduth fi qulūbihim wahyun, wa anna kulla mu‘min yūha ilāyhi*).

⁴⁵ Muḥammad Abū Zuhrah, *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmīyyah*, 41. (*al-badā'* huwa anna Allah yughayyiru mā yuriđuhu tab‘an li taghayyur ‘ilmīhi, wa annahu ya‘muru bi al-shayyi‘ thumma ya‘mur bi khilāfīhi).

⁴⁶ al-Asy‘arī, *Maqālāt al-Islāmīyyīn*, 86. (*anna ‘Aliyyan lam yamat, wa annahu yarji‘ ila al-dunyā qabla yawmi al-qiyāmah fa yamla‘ u al-arḍa ‘adlan kamā muliat jawran*).

⁴⁷ Muḥammad Abū Zuhrah, *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmīyyah*, 41.

⁴⁸ al-Asy‘arī, *Maqālāt al-Islāmīyyīn*, 78. (*annahum lā yamatun, wa lākin yarfa‘ūna bi abdānihim ila al-malakūt, wa tūda‘u li al-nāsi ajṣāda shabbaha ajṣādahum*).

⁴⁹ Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, j. 5, 267, entri “rafaḍa”.

⁵⁰ al-Shahrastānī, *al-Milal wa al-Nihāl*, 162. Lihat Ibn Taymiyyah, Muḥammad Rasyād Sālim (ed.), *Minhāj al-Sunnah*, j. 1, c. 2, (al-Rabat : Maktabah al-Ma‘ārif, 1998), 35.

⁵¹ al-Shahrastānī, *al-Milal wa al-Nihāl*, 162. Aliran *al-Ta‘līmīyyah* adalah satu aliran Syiah yang lahir pada zaman al-Ghazālī. Mereka berpendapat bahawa para imam mereka adalah sumber ilmu pengetahuan yang mereka sebut sebagai imam *mu‘allim*. Lihat al-Ghazālī, *al-Qistās al-Mustaqīm*, 10.

telah menyebabkan kepimpinan dalam Syiah *al-Imāmīyyah* berpucuk kepada dua pimpinan iaitu Ismā‘īl bin Ja‘afar al-Ṣādiq dan Musā al-Kazim. Pada hakikatnya, setelah Ja‘afar al-Ṣādiq wafat, kepimpinan akan berpindah kepada Ismā‘īl sebagai anak yang tertua, tetapi ada pendapat yang mengatakan bahawa oleh kerana Ismā‘īl telah wafat, maka pucuk pimpinan telah berpindah kepada adiknya Musā al-Kāzim. Walaupun demikian, ada juga pendapat yang mengatakan bahawa Ismā‘īl sebenarnya tidak wafat. Perkhabaran ini sengaja diadakan dengan tujuan melindungi Ismā‘īl daripada ancaman pemerintah ketika itu, pendapat sedemikian ini dianggap *taqīyyah* menurut mazhab Shī‘ah.⁵² Oleh kerana itu, tradisi kepimpinan diteruskan oleh dua pucuk pimpinan iaitu kepimpinan Ismā‘īl bin Ja‘afar yang melahirkan aliran Syiah al-Ismā‘īlīyyah dan kepimpinan Musā al-Kazim yang melahirkan aliran Syiah al-Ithnā ‘Asharīyyah.⁵³

Selain golongan *al-Imāmīyyah*, al-Asy‘arī juga menganggap aliran *al-Kaysānīyyah* sebagai golongan *al-Rāfiḍah* kerana beliau membahagikan golongan *al-Rāfiḍah* kepada dua puluh empat aliran dan di dalam pembahagian ini termasuk *al-Kaysānīyyah* yang mempunyai sebelas aliran.⁵⁴ Sebelum golongan *al-Kaysānīyyah* muncul, timbul satu golongan yang membela kewafatan Ḥusayn di Karbalā’ pada tahun 64H. Golongan ini dinamakan gerakan *al-Tawwābin* yang diketuai oleh Sulaiman bin Sard al-Khuzā‘ī. Gerakan ini lahir kerana menzhirkan kekesalan mereka yang tidak dapat membantu Ḥusayn ketika dikepung semasa berada di Karbala’. Pada tahun 66H, lahir golongan *al-Kaysānīyyah* di Kufah yang diketuai oleh al-Mukhtār bin Abi ‘Ubayd al-Thaqafi. Kedua-dua golongan ini lahir kerana membela kewafatan Ḥusayn.⁵⁵

Menurut al-Asy‘arī, ada dua pendapat mengenai penamaan *al-Kaysānīyyah* yang berhubung dengan al-Mukhtār bin Abi ‘Ubayd al-Thaqafi, pertama : ketika al-Mukhtār disebut sebagai *Kaysān* oleh Muḥammad bin al-Ḥanafīyyah iaitu apabila beliau diminta untuk menjadi imam Syiah dalam suatu rancangan untuk menuntut bela atas pembunuhan Ḥusayn. Pendapat kedua mengatakan bahawa al-Mukhtār adalah *mawlā* kepada ‘Ali bin Abi Talib. Aliran ini beranggapan bahawa Muḥammad bin al-Ḥanafīyyah dilantik sebagai imam melalui kaerah pendalilan (*al-istiqlāl*) dan bukan secara *naṣ*. Pelantikan ini berlaku apabila ‘Ali bin Abi Talib menyerahkan bendera kepada anaknya Muḥammad bin al-Ḥanafīyyah semasa berlaku perang *al-Jamal*, maka sebahagian Syiah menganggap cara ini adalah salah satu cara pelantikan imam, walaupun selepas ini kaerah penyerahan bendera tersebut dianggap sebagai pelantikan *naṣ* dan bukan kaerah *al-istiqlāl*.⁵⁶ Di samping itu, al-Shahrastāni berpendapat bahawa al-Mukhtār adalah anak murid kepada Muḥammad bin al-Ḥanafīyyah. Beliau pada awalnya adalah pengikut Khawarij kemudian menjadi pengikut al-Zubayr dan akhirnya menjadi pengikut Syiah golongan *al-Kaysānīyyah*.⁵⁷

Selain daripada aliran *al-Imāmīyyah* dan *al-Kaysānīyyah* yang dianggap sebagai aliran *al-Rāfiḍah*, al-Baghdādī juga menganggap aliran *al-Sabbā’īyyah* sebagai *al-Rāfiḍah* kerana aliran ini bukan sahaja tidak memperakui kekhilafahan Abu Bakar dan ‘Umar sebagaimana aliran Syiah yang lain, tetapi ketaksuhan mereka yang melampau

⁵² Kewafatan Ismail sengaja diada-adakan untuk menghindari dari diketahui oleh khalifah Abbasiyyah.

Lihat al-Shahrastāni, *al-Milal wa al-Nihāl*, 167.

⁵³ Muḥammad Abu Zuhrah, *Tarikh al-Madhahib al-Islamiyyah*, 52.

⁵⁴ al-Asy‘arī, *Maqālāt al-Islāmīyyīn*, 88.

⁵⁵ Maghfur ‘Uthman, *Nash’ah al-Shī‘ah*, (Brunei Darussalam : Universiti Brunei Darussalam, 1991), 47.

⁵⁶ al-Asy‘arī, *Maqālāt al-Islāmīyyīn*, 88.

⁵⁷ al-Shahrastāni, *al-Milal wa al-Nihāl*, 147.

terhadap ‘Ali mendorong mereka untuk mempertuhankan ‘Ali. Oleh kerana fahaman aliran *al-Ghālīyah* sedemikian, maka mereka juga dianggap sebahagian daripada aliran *al-Rāfiḍah*.⁵⁸

Golongan ketiga Syiah ialah aliran *al-Zaydīyyah*. Mereka adalah pengikut Zayd bin ‘Ali bin al-Husayn bin ‘Ali bin Abi Talib yang menganggap jawatan imam adalah daripada keturunan Fatimah. Menurut mereka setiap imam wajib ditaati sama ada Ḥasan atau Husayn. Dalam perkara *al-imamah*, aliran ini berpendapat bahawa dibolehkan seseorang memilih imam yang kurang layak walaupun ada imam yang lebih layak dan berhak untuk dijadikan sebagai imam (*jawāz al-imamah al-mafḍūl ma ‘a qiyām al-afdal*). Menurut *al-Zaydīyyah*, walaupun ‘Ali bin Abi Talib berhak untuk menjadi imam selepas kewafatan Nabi s.a.w., tetapi atas maslahah untuk meredakan perselisihan berhubung dengan kepimpinan dan juga untuk ketenteraman semua pihak maka jawatan khalifah diserahkan kepada Abu Bakar dan ‘Umar.⁵⁹ Menurut Abū Zuhrah, aliran *al-Zaydīyyah* terbahagi kepada dua ; *al-Mutaqaddimūn* dan *al-Muta’akhkhirūn*. Aliran *al-Zaydīyyah al-Mutaqaddimūn* ialah aliran yang mengiktiraf *imamah* Abu Bakar dan ‘Umar. manakala aliran *al-Zaydīyyah al-Muta’akhkhirūn*, suatu aliran yang menolak *imamah* Abu Bakar dan ‘Umar. Oleh kerana penolakan terhadap *imamah* ini, Muḥammad Abū Zuhrah menganggap *al-Zaydīyyah al-Muta’akhkhirūn* tergolong sebagai aliran *al-Rāfiḍah*. Walaupun demikian, di akhir pernyataannya beliau menyatakan bahawa golongan *al-Zaydīyyah al-Mutaqaddimūn* yang menganggap kesahihan *imamah* Abu Bakar dan ‘Umar masih wujud di Yaman.⁶⁰ Ini menunjukkan walaupun Syiah aliran *al-Zaydīyyah al-Muta’akhkhirūn* tidak lagi berpegang pada konsep asal *al-Zaydīyyah al-Mutaqaddimūn* yang menghormati kekhilafahan Abu Bakar dan ‘Umar walaupun menyokong hak *imamah* ‘Ali namun demikian, masih ada segelintir aliran *al-Zaydīyyah* yang berpegang dengan fahaman tersebut.

Ringkasnya, dalam pembahagian golongan Syiah, penulis mendapati bahawa al-Asy‘arī membahagikan kepada tiga aliran sahaja iaitu *al-Ghālīyah*, *al-Rāfiḍah* dan *al-Zaydīyyah*, pembahagian ini meliputi aliran-aliran Syiah yang lainnya yang disebut oleh para sejarawan Islam seperti al-Shahrastani dan Muḥammad Abū Zuhrah. Mereka membahagikan Syiah kepada lima golongan iaitu, *al-Kaysānīyyah*, *al-Zaydīyyah*, *al-Imāmīyyah*, *al-Ghālīyah* dan *al-Ismāīlīyyah*.⁶¹ Sementara itu, ‘Irfan ‘Abdul Ḥamīd membahagikan Syiah kepada empat aliran sahaja iaitu, *al-Imāmīyyah al-Ithnā Asyarīyyah*, *al-Zaydīyyah*, *al-Ismāīlīyyah* dan *al-Ghullāh*.⁶² Walaupun pembahagian aliran-aliran dalam mazhab Syiah sedikit berbeza namun semua golongan Syiah tersebut bersepakat tentang signifikan *al-imamah* dalam politik kepimpinan mereka dan pembahagian ini menunjukkan bahawa hampir keseluruhan mazhab Syiah tergolong sebagai aliran *al-Rāfiḍah* kerana penolakan mazhab ini terhadap kekhilafahan Abu Bakar dan ‘Umar kecuali aliran *al-Zaydīyyah al-Mutaqaddimūn*. Aliran *al-Rāfiḍah* juga dianggap sebagai aliran *al-Imāmīyyah* yang melahirkan aliran *al-Ismāīlīyyah* dan *al-*

⁵⁸ al-Baghdādi, *al-Farq Bayna al-Firaq*, 18.


⁵⁹ al-Shahrastānī, *al-Milal wa al-Nihāl*, 154.

⁶⁰ Muḥammad Abū Zuhrah, *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmīyyah*, 46.

⁶¹ al-Shahrastani, *al-Milal wa al-Nihāl*, 147. Lihat Muḥammad Abū Zuhrah, *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmīyyah*, 37.

⁶² ‘Irfan Abdul Hamid, *Dirāsāt fī al-Firaq wa al-‘Aqāid al-Islāmīyyah*, 43.

Imāmīyyah al-Ithnā Asyāriyyah. Berasaskan ini, penulis kemukakan rajah pembahagian aliran-aliran Syiah yang telah dikaji oleh para sejarawan sebagaimana berikut.



Kesimpulan

Syiah mula muncul sebagai satu mazhab apabila berlaku beberapa peristiwa setelah terbunuhnya ‘Ali bin Abi Talib. Fitnah yang berlaku di akhir pemerintahan ‘Uthman dan peranan Abdullah bin Sabā’ telah menjadikan kuasa khalifah ‘Uthman semakin lemah. Kekecewaan penyokong ‘Ali semakin ketara apabila berlaku peristiwa Karbalā’ yang pada tanggapan mereka adalah suatu tindakan kejam dan peristiwa ini membangkitkan

kemarahan mereka. Satu persatu aliran Syiah muncul setelah peristiwa itu dan cuba menzahirkan pembelaan mereka di atas pembunuhan Husein dan ahli keluarganya. Walaupun faktor yang mengarah munculnya aliran-aliran Syiah dapat dilihat dengan jelas di akhir pemerintahan ‘Uthman dan setelah berlaku peristiwa Karbalā’, babit awal perselisihan juga mula kelihatan setelah pemberian Abu Bakar di *Saqīfah Banī Sā‘idah*, iaitu apabila timbul satu golongan daripada kaum Banī Hashim yang menganggap ‘Ali lebih layak menjadi pengganti Nabi s.a.w. akan tetapi ketaksuban mereka ketika itu belum sampai ke tahap yang mengakibatkan lahirnya aliran yang mempunyai prinsip dan pegangan seperti yang berlaku setelah itu.

Bibliografi

- Ahmad Amin. *Fajr al-Islām*, c. 12, al-Qāhirah : Maktabah al-Nahdah al-Miṣrīyyah, 1978.
- al-Asy‘arī, Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Ismā‘il. *Maqālāt al-Islāmīyyīn wa Ikhtilāf al-Muṣallīn*, Muhammad Muhyī al-Dīn ‘Abd al-Ḥamīd (ed.), 2 j., al-Qāhirah : Maktabah al-Nahdah al-Miṣrīyyah, 1969.
- al-Baghdādī, Abī Maṇṣūr ‘Abd al-Qāhir bin Tāhir. *al-Farq Bayna al-Firaq*, al-Qāhirah : Muassasah al-Ḥalabī, t.t..
- al-Ghazālī, Abu Ḥamīd Muḥammad ibn Muḥammad. *al-Qistās al-Mustaqīm*, Victor Chelhot (ed.), Beirut : Maṭba‘ah al-Kātholīkīyyah, 1959.
- Hamka. *Sejarah Umat Islam*, cet. 4, Singapura : Pustaka Nasional PTE LTD, 2002.
- Ibn Athīr, Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Abī al-Karam Muḥammad bin Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm bin ‘Abd al-Wāhid al-Shaybānī. *al-Kāmil fī al-Tārīkh*, 10 j., c. 2, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmīyyah, 1995.
- Ibn Kathīr, Abū al-Fidā’ Ismā‘il. *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, 14 j., c. 5, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmīyyah, 1988.
- Ibn Khaldūn, ‘Abd al-Rahmān bin Muḥammad. *Muqaddimah*, Beirut : Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabīyy, t.t..
- Ibn Manzūr, Muḥammad ibn Mukarram. ‘Alī Shāyrī (ed.), *Lisān al-‘Arab*, 18 j. Beirut : Muassasah al-Tārīkh al-‘Arabīyy, Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabīyy, 1992.
- Ibn Taymiyyah. Muḥammad Rasyād Sālim (ed.), *Minhāj al-Sunnah*, 9 j., c. 2. al-Rabat : Maktabah al-Ma‘ārif, 1998.
- ‘Irfān Abdul Hamid.. *Dirāsat fī al-Firaq wa al-Aqāid al-Islāmīyyah*, Beirut : Muassasah al-Risalah, 1984.
- Kamus Dewan*, edisi ke-4 c. 3, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- al-Shahrastānī, Abī al-Fath Muḥammad Abd al-Karīm ibn Abī Bakr Alīmad. *al-Milal wa al-Nihāl*, 2 j., al-Qāhirah : al-Muassasah al-Ḥalabī, 1986.
- Maghfur Uthman. *Nash’ah al-Shi‘ah*, Brunei Darussalam : Universiti Brunei Darussalam, 1991.
- Mahayudin Hj. Yahaya *Ensiklopedia Sejarah Islam*, Bangi : Penerbit UKM, 1986.
- Muhammad Abū Zuhrah. *Tārikh al-Madhāhib al-Islāmīyyah fī al-Siyāsah wa al-‘Aqāid wa Tārikh al-Madhāhib al-Fiqhīyyah*, al-Qāhirah : Dār al-Fikr al-‘Arabīyy, 1996.
- Mustafā Ḥilmī. *Nizām al-Khilāfah fī al-Fikr al-Islāmī*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmīyyah, 2004.
- al-Suyūtī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān ibn Abī Bakr. *Tārikh al-Khulafā’*, Muḥammad Muhyī al-Dīn ‘Abd al-Ḥamīd (ed.), c. 4, al-Qāhirah : Matba‘ah al-Fajalah al-Jadīdah, 1969.